



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1994

BAYARAN INSENTIF PEGAWAI KESIHATAN AWAM

TUJUAN

1.1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan memanjangkan kadar Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam (BIPKA) yang diperuntukkan di dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1993](#) kepada Pegawai-pegawai Pergigian.

KELAYAKAN BIPKA KEPADA PEGAWAI PERGIGIAN

2.1. Kerajaan telah mengkaji semula peruntukan pembayaran BIPKA dan bersetuju supaya Pegawai Pergigian yang mempunyai kelulusan lepasan ijazah dalam bidang Diploma Dental Public Health (DDPH) atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengan DDPH layak dibayar BIPKA atas kadar dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1993](#).

2.2. Kelulusan lepasan ijazah yang diiktiraf dan berkelayakan dibayar DDPH adalah seperti di [Lampiran A](#).


TARIKH KUATKUASA

3.1. Kadar-kadar baru ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1990.

PEMAKAIAN

4.1. Tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa masing-masing, peruntukan Surat Pekeliling ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(HAJI ABDUL HALIM BIN ABDUL SALAM)
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

7 April 1994

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

s.k.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Kuasa Tempatan

LAMPIRAN A

**SENARAI IJAZAH-IJAZAH LANJUTAN YANG DIIKTIRAFKAN
SEBAGAI SETARAF DENGAN DIPLOMA IN DENTAL PUBLIC HEALTH
YANG LAYAK MENDAPAT BAYARAN INSENTIF PEGAWAI KESIHATAN**

1. Diploma in Dental Public Health, University of Toronto, Canada.
2. Diploma in Public Dentistry, University of Dundee, Scotland.
3. Diploma in Public Health Dentistry, University of Sydney, Australia.
4. Diploma in Dental Public Health, Royal College of Surgeons, England.
5. Diploma in Dental Public Health, University of Otago, New Zealand.